

26/08/1998

Tindakan majalah asing ditegur

Jamhariah Jaafar; Faizal Fadzil; Rasid Rahaman

SHAH ALAM, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegur majalah asing tertentu yang masih beranggapan kegawatan ekonomi di Asia Timur berpunca daripada kerajaan negara terbabit.

Perdana Menteri berkata, walaupun ada antara majalah asing yang kini mula mengakui kebenarannya mengenai kegiatan spekulator mata wang yang mendalangi kejatuhan ekonomi beberapa negara Asia Timur, masih ramai yang menganggap punca kegawatan ekonomi ialah kerajaan negara terbabit.

Beliau memberi contoh laporan majalah Times London dengan tajuk Kick Speculators Over The Hedge terbitan 20 Ogos lalu.

"Tahun lalu (pada mesyuarat Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) di Hong Kong), saya berkata perkara yang sama tetapi mereka kata saya tidak faham, tetapi nampaknya sekarang mereka yang tidak faham kerana bercakap (perkara) yang sama dengan saya.

"Sekarang baru mereka sedar orang yang bernama Soros adalah bahaya kepada mereka.

"Orang lain hendaklah memberi nasihat kepada mereka sendiri, jangan beri nasihat kepada kita.

"Yang harus ditendang bukan sahaja spekulator, tetapi juga media asing yang cuba beri nasihat kepada kita ... suruh mereka tendang sesama sendiri, tidak ada masa untuk kita membazir masa untuk mereka," katanya.

Beliau berkata demikian pada perhimpunan rakyat sempena lawatan kerja ke Selangor, di Stadium Malawati, di sini, hari ini.

Menjelaskan kedudukan ekonomi negara kepada kira-kira 15,000 rakyat yang hadir, Dr Mahathir berkata akibat serangan spekulator, nilai mata wang Malaysia kini merosot 60 peratus.

"Bagaimanapun, beberapa projek yang dikatakan mega seperti pembinaan Kompleks Bukit Jalil, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan stadium tertutup ini (Stadium Malawati) sebenarnya sudah mula dibina sebelum nilai mata wang merosot.

"Projek ini memang dianggap mega, tetapi jika dikira dalam nilai ringgit ia jauh lebih murah daripada projek mega yang dijalankan di negara lain," katanya.

Mengambil contoh pembinaan Kompleks Sukan Bukit Jalil yang berharga RM2 bilion atau AS\$500 juta, Perdana Menteri berkata ia lengkap dengan pelbagai jenis stadium iaitu olahraga, kolam renang, hoki, skuasy dan stadium tertutup.

"Kerana itu saya cabar mana-mana negara lain di dunia yang boleh membina kemudahan yang sama (seperti Kompleks Sukan Bukit Jalil) untuk membina semula kemudahan yang sama dengan AS\$500 juta," katanya.

(END)